

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA  
MELAKA

**GARIS PANDUAN KECEMASAN  
KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN  
BANGUNAN**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 51 TAHUN 2021

## 4.4 GARIS PANDUAN KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGUNGSIAN BANGUNAN

### 4.4.1 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada staf, pelajar, kontraktor dan pelawat mengenai langkah tindakan kecemasan kebakaran dan pengungsian bangunan yang berkesan bagi tujuan mengatasi semua jenis kemalangan yang mungkin berlaku di UT eM.

### 4.4.2 TINDAKAN APABILA BERLAKU KEBAKARAN

4.4.2.1 Tindakan berikut boleh dijadikan garis panduan apabila berlaku kebakaran.

(a) Isyarat Kebakaran

- i. Membunyikan sistem penggera kebakaran (*alarm*) dengan memecahkan "*breakglass*" yang sedia ada di setiap aras bangunan.

**TANDA BUNYI KEBAKARAN MENGANDUNGI BUNYI LOCENG YANG BERULANG – ULANG**

- ii. Apabila kedengaran loceng kebakaran berbunyi iaitu sebagai isyarat berlaku kebakaran, semua staf / pelajar / kontraktor / pelawat hendaklah:-
  1. Berhenti kerja.
  2. Menghentikan semua mesin.
  3. Mematikan semua kuasa elektrik.
  4. Menutup gas atau lain-lain bahan yang mudah terbakar dari terdedah.
  5. Menutup semua tingkap dan pintu.
  6. Keluar melalui lorong jalan yang mudah dan jangan menggunakan lif.
  7. Jangan berlari.
  8. Jangan tolak menolak antara satu sama lain.
  9. Jangan sengaja buat bising.
  10. Jangan buat tidak tentu arah dan kelam kabut (panik).

11. Jangan berpatah balik kebelakang untuk mengambil barang-barang yang tertinggal.
12. Jangan duduk di dalam tandas atau stor.
13. Memberi kerjasama dan ikut arahan.
14. Berkumpul di tempat yang telah ditetapkan

iii. Sesiapa pun tidak dibenarkan memasuki bangunan apabila loceng kecemasan dibunyikan.

(b) Memberitahu Pengawal Insiden/Pegawai-Pegawai Insiden yang bertugas di PTj atau menghubungi Bilik Kawalan Pejabat Keselamatan (24 Jam).

(c) Keluar Menyelamatkan Diri

Semua staf / pelajar / kontraktor / pelawat hendaklah keluar daripada bangunan dan berkumpul di Tempat Berkumpul yang disediakan di PTj.

(d) Panggilan Baris (*Roll Call*)

Semua staf / pelajar / kontraktor / pelawat adalah bertanggungjawab melaksanakan panggilan baris (*roll-call*) di Tempat Berkumpul dengan segera apabila mendengar isyarat kebakaran.

(e) Memadam Kebakaran

Pengawal Insiden / Pegawai-Pegawai Insiden dan kakitangan yang terlatih di PTj sahaja dibenarkan untuk memadamkan kebakaran supaya ianya dapat dikawal.

(f) JK KKP melalui JK Pertolongan Cemas perlulah mempamerkan satu salinan panduan ini serta senarai nama Penolong Cemas di semua PTj.

#### 4.4.2.2 Tindakan Pegawai-Pegawai Insiden

- (a) Mengenalpasti keadaan dan lokasi tempat berlakunya kebakaran.
- (b) Sekiranya kebakaran berlaku di peringkat awal dan tidak mengancam keselamatan diri, padamkan segera.
- (c) Jika didapati kebakaran tersebut telah merebak dan ada penghuni di bangunan tersebut, beri arahan mengosongkan bangunan.
- (d) Bunyikan “penggera” (*alarm*) atau “wisel” (jika “*penggera*” automatik tidak berbunyi) dan matikan semua suis elektrik.
- (e) Membuat arahan staf, pelajar, kontraktor dan pelawat agar:-
  - i. keluar melalui pintu kecemasan sahaja.
  - ii. menutup pintu dan tingkap.
  - iii. berkumpul di Tempat Berkumpul yang ditetapkan.
- (f) Jangan benarkan sesiapa pun masuk ke bangunan tersebut melainkan yang berkenaan sahaja.
- (g) Arahan Pentadbir-Pentadbir PTj untuk membuat panggilan baris (*roll-call*) bagi staf, pelajar, kontraktor dan pelawat di bawah kawalan masing-masing.
- (h) Hubungi pegawai yang bertugas di pondok kawalan keselamatan untuk bantuan. Jika perlu, hubungi JBPM secara terus.
- (i) Memberi maklumat kepada Pegawai JBPM mengenalpasti keadaan di dalam bangunan.

#### 4.4.2.3 Tindakan Pengawal Insiden

- (a) Hubungi JBPM sebaik sahaja mendapat maklumat daripada Pegawai-pegawai Insiden.
- (b) Sediakan alat pemadam kebakaran di premis masing-masing (pastikan ia sentiasa diselenggara).
- (c) Mengenalpasti tempat pili bomba.
- (d) Arahan Pegawai-pegawai Insiden memadam kebakaran sebelum pasukan penyelamat JBPM masuk.
- (e) Arahan anggota untuk mengawal keadaan lalulintas bagi menyenangkan anggota Bomba masuk.
- (f) Dapatkan maklumat tentang panggilan baris (*roll-call*) sekiranya ada yang tertinggal di dalam bangunan.
- (g) Bekerjasama dengan anggota Bomba dalam segala aspek.
- (h) Hubungi pihak ambulan bersiap sedia di satu tempat.

#### 4.4.2.4 Tindakan Pentadbir-Pentadbir PTj

- (a) Maklumkan segera kepada Pegawai Insiden.
- (b) Mengarahkan staf / pelajar / kontraktor / pelawat agar:-
  - i. keluar melalui pintu kecemasan sahaja.
  - ii. menutup pintu dan tingkap.
  - iii. berkumpul di Tempat Berkumpul yang ditetapkan.

- (c) memeriksa kehadiran staf, pelajar, kontraktor dan pelawat yang berada di bawah kawalan dengan menggunakan SENARAI SEMAK STAF, PELAJAR, KONTRAKTOR DAN PELAWAT yang dikemaskini dari semasa ke semasa.
- (d) Maklumkan segera pada Pengawal Insiden atau Pegawai-pegawai Insiden jika terdapat staf, pelajar, kontraktor dan pelawat yang tidak hadir.

#### **4.4.3 PANDUAN MENYELAMATKAN DIRI SEMASA KEBAKARAN (ASAP)**

##### 4.4.3.1 Cara-cara bergerak semasa terperangkap di dalam asap

- (a) Di dalam sesuatu kebakaran, asap merupakan ancaman kerana ia bergerak mendahului api, panas, menyesakkan pernafasan serta beracun dan boleh menyekat jalan menyelamatkan diri dari kebakaran.
- (b) Sebagai panduan menyelamatkan diri dari kebakaran (asap), perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian :
  - i. Bertenang, sabar dan berfikir. Panik atau kelam kabut boleh mengakibatkan anda bertindak dengan cara yang salah.
  - ii. Sebelum membuka pintu, pastikan dahulu, sekiranya pintu dirasakan panas jika disentuh, biarkan ianya tertutup. Cari jalan lain untuk menyelamatkan diri.
  - iii. Jika terperangkap di dalam asap, rendahkan diri seberapa boleh sebaiknya merangkak di atas lantai dan bernafas pendek-pendek (melalui hidung hingga sampai ke tempat selamat).
  - iv. Kepulan asap yang banyak biasanya boleh menggelapkan pemandangan. Dalam keadaan sedemikian, gunakan belakang tangan untuk meraba jalan dengan menyusur dinding sehingga bertemu pintu keluar.

#### 4.4.3.2 Terperangkap di dalam bangunan terbakar

- (a) Jika anda terperangkap di dalam bangunan semasa berlakunya kebakaran, anda hendaklah bertindak seperti berikut:-
- i. Tutup seberapa banyak pintu di antara anda dengan api. Sebagai makluman, pintu-pintu yang bertutup boleh menjadi penyelamat nyawa anda.
  - ii. Tutupkan pintu di belakang anda dan jauhkan asap dan bahang. Sumbat celah-celah pintu dan lubang angin dengan kain atau sebagainya bagi mengelakkan asap masuk (pilih bilik yang bertingkap dan tunggu untuk diselamatkan).
  - iii. Pergi ke tingkap bagi mendapatkan udara bersih dan beri isyarat minta bantuan.
  - iv. Buka tingkap sedikit di atas dan di bawah untuk membolehkan udara kotor keluar dan udara bersih masuk.
  - v. Jika keadaan semakin buruk, pandang ke luar tingkap, balut kaki dengan baju, karpet atau sebagainya (basahkan jika perlu) bagi menahan kepanasan.
  - vi. Jangan cuba terjun dari tingkap atau tingkat yang tinggi. Ramai orang terbunuh dilaporkan kerana tergopoh-gapah terjun dari tingkat yang tinggi. Tunggu sehingga anggota Bomba atau pasukan penyelamat datang.

#### 4.4.4. BAJET

Segala bajet / kos dan segala urusan berkaitan kursus serta peralatan Pertolongan Cemas adalah di bawah tanggungjawab PTj masing-masing.

### LAMPIRAN 4.4-1

### [ CARTA ALIR KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGUNSIAN BANGUNAN ]

